

05 MAY 1998

Mahathir-Faedah

M'SIA TERPAKSA KEKAL KADAR FAEDAH PADA PARAS SEMASA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 5 Mei (Bernama) -- Malaysia terpaksa mengekalkan kadar faedah pada paras semasa kerana kadar bagi memimjam ringgit di luar negara telah dinaikkan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata jika kadar faedah dinaikkan, kos menjalankan perniagaan akan meningkat dan syarikat-syarikat akan menderita kerana tidak mampu mendapatkan dana, dan dalam proses itu akan menjejaskan kegiatan perniagaan.

"Kami cuba merendahkan kadar faedah tetapi tekanan luaran telah menyebabkan kadar faedah meningkat," katanya apabila ditanya sama ada kerajaan akan menurunkan kadar faedah, pada sidang media selepas melancarkan Amanah Saham Wanita atau "Asnita," dana amanah wanita pertama di Malaysia.

Oleh kerana kerajaan mempunyai pembahagian sebanyak 28 peratus dalam keuntungan syarikat berasaskan cukai korporat, "jika kami menaikkan kadar, ia bermakna kami menghalang syarikat daripada mendapatkan dana mereka," katanya.

Kadar antara bank, kadar yang digunakan apabila bank memberi pinjaman antara satu sama lain, telah meningkat kepada lingkungan 11.05 peratus kini daripada 7.0 peratus sebelum serangan matawang pada Julai lepas. Ini bermakna mereka terpaksa memberi pinjaman kepada pelanggan pada kadar lebih tinggi.

Kadar berian pinjaman bagi pinjaman perniagaan yang meningkat sehingga setinggi 20-21 peratus pada Disember lepas berikutan mudah tunai ketat telah menurun antara 16 dan 17 peratus.

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah mencadangkan Malaysia menaikkan sedikit kadar faedah kerana terdapat sedikit ketidakseimbangan dalam campuran dasar dan dalam proses menurunkan kadar faedah, negara terpaksa mempunyai kedudukan fiskal yang kukuh.

Pengarah urusan IMF, Michel Camdessus, apabila ditanya mengenai penolakan Malaysia terhadap dasar kewangan ketat berkata di Singapura semalam bahawa walaupun pihak berkuasa Malaysia merasakan keadaan ketika ini masih boleh diuruskan, Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) telah menjelaskan beliau masih membuka pilihannya dan bersedia menaikkan kadar faedah jika perlu.

Camdessus juga menyatakan kadar faedah bagi setiap negara di rantau ini merupakan kes yang mempunyai keistimewaan tersendiri.

Mengenai penarafan ke atas Malaysia yang dibuat oleh Standard & Poor's, Mahathir berkata kedua-duanya, S&P dan Moody's, telah membuat penilaian yang salah mengenai negara ini.

Sebagai contoh, beliau berkata agensi penarafan itu tidak meramalkan kejatuhan ekonomi-ekonomi Asean berikutan serangan ke atas matawang serantau dan ramai orang telah kehilangan wang mereka kerana mereka tidak diberitahu terlebih dahulu oleh pakar-pakar penarafan itu.

"Mereka telah tersilap sebelum ini dan saya tidak rasa kita harus akur dengan penarafan mereka kerana penarafan mereka mempunyai tabiat mempengaruhi pasaran," katanya.

"Ia bukan satu keadaan bahawa apa yang mereka katakan akan berlaku, tetapi apa yang mereka katakan akan membuatnya berlaku," katanya.

Perdana Menteri juga berkata kerajaan sedang berusaha mengelak daripada keperluan menggunakan matawang asing tetapi sebaliknya menggunakan ringgit

dan matawang negara jiran.

Ketika ini, beliau berkata 70 peratus daripada urusan perdagangan adalah dalam dolar Amerika sedangkan perdagangan dengan Amerika Syarikat hanya menyumbang 18 peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia.

"Kadar pertukaran antara ringgit dan dolar Amerika tidak akan mempengaruhi kita. Kita boleh ketepikan yang 52 peratus itu," katanya.

Beliau berkata negara tidak mempunyai banyak bon yang menggunakan unit ukuran dolar Amerika tetapi masih boleh menjualnya tanpa mengurangkan rizabnya.

Menurutnya, apa yang cuba dilakukan oleh Malaysia adalah untuk mengekalkan rizabnya dalam pelbagai matawang dan berdagang dengan negara lain dengan matawang masing-masing.

Mengenai soalan berhubung hutang lapuk negara, beliau berkata ia tidaklah sebesar seperti yang dijangkakan.

"Bagaimanapun kami mendapati dengan sering mengulangi hutang lapuk bank, sistem perbankan akan menjadi lemah dan ia memberi kesan buruk kepada bank terbabit," katanya.

Menurutnya, bank tempatan sebenarnya tidak menghadapi masalah tetapi pelabur asing sering membuat tanggapan ia bermasalah.

"Tidak kira apa yang kita kata, atau lakukan, mereka akan tetap menyatakan kita menghadapi masalah, tetapi seperti yang anda lihat hari ini keadaan sudah mula berubah di sini seolah-olah tiada apa yang berlaku," katanya.

Beliau berkata; "Tidak kira berapa banyak wang yang dibelanjakan oleh kerajaan terhadap orang miskin, terhadap pembangunan dan untuk mengajar mereka bagaimana melakukan perniagaan, tiada siapa yang mahu mengambil tahu."

Apabila ditanya mengenai iktibar yang diambil daripada kegawatan ekonomi yang berlaku, Dr Mahathir berkata; "Pengajaran yang kita perolehi adalah orang asing boleh memanipulasikan ekonomi kita dengan hanya menurunkan nilai matawang kita."

"Sama ada mereka sengaja merancangkannya atau tidak, ia bukanlah satu persoalan, hakikatnya ialah mereka telah menurunkan nilai matawang kita dan 'mencuri' separuh daripada kekayaan kita," katanya.

-- BERNAMA

SHO ZK MA NMO